

Tun perlu hadir sebagai tetamu khas - Rafidah

KUALALUMPUR 8 Sept. - Bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu hadir sebagai tetamu khas pada Perhimpunan Agung UMNO kelak sebagaimana tradisi parti itu sejak sekian lama.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz (gambar) berkata, perancangan Dr. Mahathir untuk hadir sebagai perwakilan tidak sesuai kerana beliau patut diberi penghormatan yang lebih tinggi.

"Mengikut pandangan kita (Wanita UMNO), tidak eloklah kalau seorang bekas Presiden yang diberi tempat khas dalam Perhimpunan Agung UMNO (hadir sebagai perwakilan).

"Biasanya bekas-bekas Presiden ada tempat yang disediakan sebagai tetamu khas, malah boleh jadi pemerhati khas sekali pun.

"Itulah, kalau ikut tradisi," katanya pada sidang

akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Wanita UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai keputusan Dr. Mahathir bertanding dalam pemilihan UMNO Bahagian Kubang Pasu bagi merebut kerusi perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO tahun ini.

Pelbagai pihak telah meminta bekas Perdana Menteri itu agar memikirkan semula keputusannya kerana tidak mencerminkan kedudukannya yang sebenar.

Rafidah berkata, perkara itu tidak dibincangkan di dalam mesyuarat tiga jamnya itu tetapi kata putus pergerakan telah dibuat menerusi maklum balas yang diperoleh daripada saluran media.

Jelasnya, Wanita UMNO berpendapat ia merupakan soal dalaman UMNO Bahagian Kubang Pasu dan perlu ditentukan oleh pihak yang terbabit sendiri.

"Terpulanglah kepada tubuh badan sendiri untuk bertanding atau tidak.

"Terpulang juga kepada Bahagian Kubang Pasu untuk menentukan kedudukan itu," ujarnya.

Dalam pada itu, Rafidah berkata, Wanita UMNO kini mempunyai 1.34 juta ahli dengan tambahan sebanyak 10,000 ahli dalam enam bulan yang lalu.

"Wanita UMNO akan memberikan penjelasan secara berterusan kepada peringkat akar umbi mengenai manfaat Bajet 2007 dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

"Kita mahu rakyat fahami usaha kerajaan meredakan beban rakyat melalui penghapusan yuran peperiksaan dan insentif-insentif lain," katanya.

Lebih penting, kata beliau, ialah memastikan golongan wanita berada pada kedudukan yang baik untuk mengukuhkan parti, khususnya dalam menghadapi pilihan raya.